

# **FAKTOR IDIOSINKRITIK, FALSAFAH POLITIK DAN PRINSIP ISLAM HADHARI DALAM DASAR LUAR MALAYSIA DI ZAMAN PENTADBIRAN ABDULLAH AHMAD BADAWI 2003-2009**

*(IDIOSYNCRITIC FACTORS, POLITICAL PHILOSOPHY AND THE PRINCIPLE OF ISLAM HADHARI IN MALAYSIAN FOREIGN POLICY DURING ABDULLAH AHMAD BADAWI'S ADMINISTRATION 2003-2009)*

Achmad Dzariean Mohd Nadzri  
achmad@uum.edu.my

**Abstrak:** *Perkembangan dasar luar Malaysia di zaman pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi sesungguhnya adalah merupakan sesuatu yang menarik untuk dikaji. Selain itu, perkembangan dasar luar ini juga adalah merupakan sambungan daripada dasar luar sebelumnya tetapi mempunyai sedikit perbezaan dari sudut pendekatan yang telah diambil oleh Abdullah Ahmad Badawi. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang faktor idiosinkritik, falsafah politik dan prinsip Islam Hadhari yang merupakan elemen utama dalam pembentukan dasar luar Malaysia di zaman pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi. Latar belakang peribadi, ideologi politik dan gaya kepimpinannya yang tersendiri adalah merupakan elemen utama yang akan dilihat dalam faktor idiosinkritik Abdullah. Manakala ciri-ciri seperti partisipasi, akomodasi dan konsensus adalah merupakan antara ciri-ciri utama yang terdapat dalam falsafah politik Abdullah dan elemen terakhir yang ingin dilihat dalam kertas kerja ini ialah penerapan Prinsip Islam Hadhari yang mempunyai 10 prinsip didalamnya telahpun dijadikan tunjang kepada pentadbiran negara dan pembentukan dasar luar Malaysia di zaman Abdullah.*

**Kata Kunci;** *Idiosinkritik, Falsafah Politik, Islam Hadhari, Dasar Luar, Malaysia*

**Abstract:** *The development of foreign policy in the administration of Abdullah Ahmad Badawi's was indeed an interesting thing to study. Furthermore, the development of this foreign policy is also an extension of the previous foreign policy but definitely it has a slight difference from the approach taken by Abdullah Ahmad Badawi. This paper will discuss about the idiosyncratic factors, political philosophy and the principles of Islam Hadhari which were the key elements in the formation of Malaysia's foreign policy during the reign of Abdullah Ahmad Badawi. His personal background, political ideology and his own style of leadership are the key elements to be seen in Abdullah's idiosyncratic factor. While features such as participation, accommodation and consensus are among the main features of Abdullah's political philosophy and the last element to be looked at in this paper is the application of the Islam Hadhari principle, which consist 10 principles that have been the backbone of the country's administration and the formation of foreign policy in the days of Abdullah.*

**Keyword;** *Idiosyncratic, Political Philosophy, Islam Hadhari, Foreign Policy, Malaysia*

2020 JGBSE

## Pendahuluan

Dalam mengkaji dasar luar Malaysia pada zaman pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi mulai tahun 2003 hingga 2009, beberapa orang sarjana seperti Saravanamuttu, Faridah Jaafar dan Khadijah Khalid telah bersetuju dengan kenyataan bahawa halatuju dasar luar Malaysia masih diteruskan oleh kepimpinan Abdullah<sup>1</sup> (Saravanamuttu, 2010, ms168). Walaupun begitu, apa yang menjadi perbezaan ketara dalam era Abdullah ialah pendekatan beliau dalam membawa dasar luar itu dijalankan. Dalam satu wawancara dengan akhbar tempatan, Abdullah menafikan sekeras-kerasnya bahawa beliau telah hilang kawalan dalam pentadbiran dan menegaskan bahawa pembaharuan yang dibawa beliau dibuat mengikut cara sendiri dan matlamat tetap sama<sup>2</sup> (Utusan Malaysia, 18 September 2006). Menurut Abdullah lagi; sebagai seorang Islam, saya tidak mempercayai praktik falsafah Machiavelli dan ingin menegaskan di sini bahawa —kita tidak boleh, atas apa jua sebab, melegitimasi sesuatu untuk mendapatkan apa yang kita mahu<sup>3</sup> (Abdullah Ahmad Badawi, temubual bersama pengkaji, 4 Ogos 2013). Justeru, penulisan ini akan memperihalkan tentang faktor idiosinkritik, falsafah politik dan prinsip Islam Hadhari Abdullah Ahmad Badawi.

## Faktor Idiosinkritik

Karminder Singh Dhillon telah menyatakan bahawa analisis dasar luar Malaysia perlu merangkumi ketiga-tiga faktor iaitu faktor idiosinkritik, domestik dan luaran<sup>4</sup> (Dhillon, 2009, ms16). Faktor idiosinkritik ini akan dilihat dari tiga elemen yang membentuk faktor ini iaitu peribadi, ideologi politik dan gaya kepimpinan Abdullah. Dalam melihat elemen peribadi Abdullah, tumpuan akan diberikan kepada analisis terhadap biografi secara intelektual yang merangkumi pelbagai unsur didalam keperibadian Abdullah seperti nilai, persepsi, kepercayaan, kebolehan, latarbelakang, pendidikan, pengalaman terdahulu dan cara Abdullah dibesarkan. Ideologi politik akan memberikan tumpuan kepada kehidupan politik Abdullah sejak beliau menceburi bidang politik pada tahun 1959. Gaya kepimpinan Abdullah pula akan memberikan tumpuan kepada pengenalan prinsip Islam Hadhari dalam pentadbiran negara dan segala keputusan yang telah diambil sejak beliau menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

## Latar Belakang dan Peribadi Abdullah

Abdullah Ahmad Badawi telah dilahirkan pada tarikh 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang<sup>5</sup> (Wariya, 2004, ms109). Beliau adalah merupakan anak sulung kepada pasangan Haji Ahmad bin Sheikh Abdullah Fahim yang lebih dikenali dengan nama Haji Ahmad Badawi dengan Hajah Khailan binti Hassan. Jika mengikut susur galur keturunan bapanya, beliau adalah berketurunan Arab manakala ibunya pula adalah dari keturunan Cina Islam yang berasal dari Guangdong, China. Beliau telah dibesarkan sendiri oleh kedua-dua ibu bapanya di Kepala Batas yang pada ketika itu berada di dalam keadaan penduduk kampung yang masih lagi serba kekurangan dan kemiskinan.

Sebagai seorang anak kepada tokoh agama yang disegani ramai iaitu Haji Ahmad Badawi dan cucu kepada ulama terkenal di Pulau Pinang dan negara iaitu Sheikh Abdullah Fahim, ia telah menjadikan latar belakang kehidupan Abdullah berteraskan kepada pendidikan agama Islam. Abdullah telah dibesarkan dalam persekitaran pendidikan yang seimbang antara dunia dan

---

<sup>1</sup> Saravanamuttu, 2010, ms168

<sup>2</sup> Utusan Malaysia, 18 September 2006

<sup>3</sup> Abdullah Ahmad Badawi, temubual bersama pengkaji, 4 Ogos 2013

<sup>4</sup> Dhillon, 2009, ms16

<sup>5</sup> Wariya, 2004, ms109

akhirat dimana pendidikan formal Abdullah diperolehi di Sekolah Melayu Pematang Bertam dan seterusnya melanjutkan pengajian beliau di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Methodist Boys School di Pulau Pinang<sup>6</sup> (Wariya, 2004, ms109).

Pada waktu petang, Abdullah mendapat pendidikan agamanya di Maahad Daeratul Maarif Al Wataniah seterusnya akan diajar sendiri oleh datuknya mengaji Al Quran dimalam hari. Inilah faktor mengapa Abdullah mempunyai keperibadian yang amat tinggi kerana beliau dididik dan dibentuk dalam suasana yang penuh adab dan sopan serta lemah lembut dari ahli keluarganya sendiri. Faktor kedua yang mempengaruhi keperibadian Abdullah ialah faktor lingkungan sosial dalam kehidupan beliau sendiri. Abdullah yang telah menerima pendidikan agama sejak dari kecil oleh keluarganya kemudian telah diteruskan dengan bidang Pengajian Islam yang menjadi bidang pengajiannya di Universiti Malaya.

Menurut Wariya<sup>7</sup> (2004, ms109) pendidikan awal Abdullah Ahmad Badawi diterima di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang. Tidak hanya terikat dengan pendidikan formal di sekolah, Abdullah juga turut menerima pendidikan agama secara tidak formal melalui bapanya, Haji Ahmad Badawi dan datuknya, Sheikh Abdullah Fahim di rumah. Abdullah kemudiannya menyambung persekolahan peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam dan di Penang Methodist Boys School, Pulau Pinang. Abdullah kemudiannya meneruskan pengajian tertingginya di peringkat ijazah pertama di Universiti Malaya dalam bidang Sastera pengkhususan Pengajian Islam yang telah disudahkan pada tahun 1964. Beliau pada mulanya ingin mengambil bidang Ekonomi di Universiti<sup>8</sup>(Faridah Jaafar, 2007, ms175).

Namun, setelah beliau gagal dalam mata pelajaran Statistik, beliau tidak dibenarkan melanjutkan kursus kepujian dalam bidang ekonomi dan memilih untuk belajar Pengajian Islam. Pengalaman sebagai seorang aktivis pelajar yang aktif di waktu zaman belajarnya dimana keterlibatan Abdullah dalam gerakan aktiviti pelajar seperti Gabungan Pelajar Semenanjung Malaysia telah mencorak gaya kepimpinan beliau yang dilihat sebagai seorang yang sangat mementingkan agama dan tidak suka berkonfrontasi serta amat mementingkan elemen kerjasama dalam semua hal yang ditadbir dan dipegang beliau. Karier beliau didalam sektor perkhidmatan kerajaan selepas menamatkan pengajian di universiti juga telah berjaya membentuk personaliti Abdullah.

Abdullah kemudiannya telah berkahwin dengan Endon binti Mahmood pada tahun 1965 dan hasil dari perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan 2 orang anak iaitu Kamaluddin dan Nori. Abdullah telah memulakan kerjayanya sebagai seorang penjawat awam pada pertengahan tahun 1964 apabila dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) sebagai Penolong Setiausaha di Jabatan Perkhidmatan Awam. Abdullah terus berkhidmat di situ hinggalah pada tahun 1969 beliau telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha kepada Majlis Operasi Negara (MAGERAN) di Jabatan Perdana Menteri pada tahun yang sama hinggalah tahun 1971<sup>9</sup>(Laman web rasmi Pejabat Tun Abdullah Ahmad Badawi,(n.d) Diakses pada 30 April 2013 dari <http://www.ptab.gov.my/biodata>) Mulai tahun 1971 hingga 1973, Abdullah kemudiannya telah dilantik sebagai Ketua Pengarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan

---

<sup>6</sup> Wariya, 2004, ms109

<sup>7</sup> 2004, ms109

<sup>8</sup> Faridah Jaafar, 2007, ms175

<sup>9</sup> Laman web rasmi Pejabat Tun Abdullah Ahmad Badawi,(n.d) Diakses pada 30 April 2013 dari <http://www.ptab.gov.my/biodata>

Sukan dan mulai tahun 1974 Abdullah kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Abdullah kemudiannya telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Wilayah Persekutuan selepas beliau menang pilihanraya umum 1978. Pada tahun 1979, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Menteri di kementerian yang sama dan pada tahun 1981, Abdullah kemudiannya dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk tempoh selama tiga tahun iaitu dari tahun 1981 hingga 1984. Abdullah kemudiannya menerajui Kementerian Pendidikan mulai tahun 1984 hingga 1986 dan Menteri Pertahanan dari tahun 1986 hingga 1987. Beliau telah digugurkan dari jawatan Menteri Pertahanan pada tahun 1987 akibat pergolakan dalaman UMNO dan kemudiaannya telah dilantik semula sebagai Menteri Luar pada tahun 1991.

Beliau kekal menerajui Kementerian Luar hingga tahun 1999 lalu melakar sejarah sebagai Menteri Luar paling lama memegang jawatan dalam pentadbiran kerajaan. Abdullah kemudiannya dilantik menjadi Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 1999 tetapi pada bulan Februari tahun yang sama, setelah mendapat mandat dari Majlis Tertinggi UMNO beliau telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri hingga tahun 2003. Abdullah kemudiaannya dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima merangkap Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 2003. Tanggungjawab Abdullah sebagai Perdana Menteri hanya berkuatkuasa selepas berakhirnya Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada bulan Oktober 2003<sup>10</sup> (Wariya, 2007, ms109). Pada 20 Oktober 2005, Endon Mahmood meninggal dunia selepas bergelut dengan penyakit barah payu dara sejak 2003. Dalam tempoh kurang dari 2 tahun menduda, Abdullah kemudiaannya berkahwin dengan Jeanne Abdullah dan melangsungkan akad nikah pada 9 Jun 2007<sup>11</sup> (Dato Othman Desa, temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015).

### **Ideologi Politik Abdullah**

Abdullah menyertai UMNO pada tahun 1964. Sepanjang penglibatan Abdullah sebagai ahli UMNO, beliau tidak mempunyai masa yang banyak untuk terlibat dalam gerakan-gerakan politik kerana komitmen Abdullah sebagai seorang pegawai kerajaan<sup>12</sup> (Dato Othman Desa, temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015). Pada tahun 1978, beliau telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatannya di dalam perkhidmatan kerajaan untuk bertanding di dalam pilihanraya umum yang ke 5 pada tahun 1978. Kemenangan beliau dalam pilihanraya tersebut telah membolehkan beliau menjadi Ahli Parlimen di Parlimen Kepala Batas dalam daerah Seberang Perai Utara. Keputusan Abdullah untuk menyertai politik bukanlah mudah. Beliau pernah menolak pelawaan UMNO Kepala Batas sebanyak tiga kali sebelumnya tetapi pada kali terakhir beliau ditawarkan, Abdullah tidak lagi mampu menolak<sup>13</sup> (Tun Abdullah Ahmad Badawi, temubual bersama pengkaji, 04 Ogos 2013).

Ini adalah kerana pada kali terakhir Abdullah bertemu dengan kepimpinan tertinggi UMNO Kepala Batas, beliau telah diberikan kata dua oleh rakan-rakan rapatnya yang merupakan jawatankuasa tertinggi UMNO Bahagian. Antara ayat-ayat yang masih terngiang-ngiang di telinga Abdullah adalah seperti berikut iaitu kalau Cik Lah nak masuk politik, baiklah sekarang. Tetapi kalau nak tangguh-tangguh lagi, lebih baik lupakan saja. Selain itu, mereka juga berkata

---

<sup>10</sup> Wariya, 2007, ms109

<sup>11</sup> Dato Othman Desa, temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015

<sup>12</sup> Dato Othman Desa, temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015

<sup>13</sup> Tun Abdullah Ahmad Badawi, temubual bersama pengkaji, 04 Ogos 2013

kepadanya, jika Cik Lah tak mahu terima, kami akan cari orang lain tetapi lepas itu janganlah pula balik nak mintak jadi calon kerana kekosongan ini akan kami isi dengan orang muda yang sedang kami cari <sup>14</sup>(Dato Othman Desa, Temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015).

Setahun selepas beliau menjadi wakil rakyat, Abdullah dipilih untuk mengetuai UMNO Bahagian Kepala Batas dan dalam pemilihan jawatankuasa tertinggi Majlis Tertinggi UMNO, Abdullah telah berjaya dipilih sebagai salah seorang anggotanya sejak tahun 1981. Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1984 telah menyaksikan kemajuan dalam perjalanan politik Abdullah apabila beliau dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO dan berjaya mengekalkan jawatan tersebut hingga tahun 1990. Namun begitu, apa yang telah dilalui oleh Abdullah pada tahun 1987 adalah merupakan titik hitam dalam karier politiknya. Setelah dipecat daripada jawatan Menteri Pertahanan pada bulan Mei 1987 akibat daripada penyertaan beliau ke dalam Team B dalam UMNO, Abdullah menerima berita tersebut dengan hati yang terbuka. Abdullah berkata; apa depa anggap kepada saya, saya tak kira, Allah mengetahui hati saya, saya setia kepada pemimpin saya<sup>15</sup> (Tun Abdullah Ahmad Badawi, temubual bersama pengkaji, 04 Ogos 2013).

Pada awal tempoh pemerintahan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, satu perpecahan telah berlaku dalam UMNO dimana parti UMNO berpecah kepada dua kem. Kumpulan yang menyokong Dr Mahathir digelar 'Team A' manakala kumpulan yang menyokong bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dan bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam digelar 'Team B'. Kemenangan Mahathir menyebabkan Tengku Razaleigh Hamzah dihalang daripada menyertai UMNO (Baru) yang baru ditubuh <sup>16</sup>(Wariya, 1989, ms86). Oleh sebab Abdullah seorang penyokong kuat kepada Musa Hitam, mentor politiknya, beliau telah dipecat sebagai Menteri Pertahanan. Beliau telah dipilih memegang jawatan Naib Presiden UMNO selama enam tahun iaitu pada tahun 1984 hingga 1990.

Selepas Abdullah digugurkan daripada jawatan kabinet, beliau akur dengan keputusan pemilihan UMNO yang telah menyaksikan pencabar-pencabar dari Team B tewas dan Abdullah sendiri telah menyatakan bahawa keputusan pemilihan itu adalah muktamad dan mengiktiraf Dr. Mahathir sebagai pemimpin beliau<sup>17</sup> (Wariya, 1989). Abdullah juga turut berikrar untuk memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap Dr. Mahathir bagi menyatukan semula perpaduan UMNO yang sudah berpecah itu. Komitmen yang tinggi ke arah menguatkan lagi parti UMNO dan sama sekali tidak berpaling tadah dengan perjuangan telah diperjelaskan oleh Abdullah. Menurut Abdullah <sup>18</sup>(Berita Harian, 14 Julai 2006);

saya masuk UMNO untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Untuk berjuang dalam parti, tak semestinya ada jawatan. Saya memang UMNO, saya jadi alat UMNO, saya jadi ahli UMNO, kenapa pula saya hendak keluar UMNO. Saya akan terus berjuang dalam UMNO walaupun saya tak ada sebarang jawatan.

Selepas UMNO diharamkan, Abdullah telah dipilih sebagai salah seorang anggota penaja untuk UMNO baru dan beliau akhirnya telah dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO pada tahun 1990. Abdullah kemudiannya dilantik sebagai Ketua Delegasi UMNO ke

---

<sup>14</sup> Dato Othman Desa, Temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015

<sup>15</sup> Tun Abdullah Ahmad Badawi, temubual bersama pengkaji, 04 Ogos 2013

<sup>16</sup>Wariya, 1989, ms86

<sup>17</sup>Wariya, 1989)

<sup>18</sup> Berita Harian, 14 Julai 2006

Jawatankuasa Perundingan Ekonomi Negara serta Pengerusi Jawatankuasa Penyusunan Semula Masyarakat pada tahun 1990<sup>19</sup> (Wariya, 2007, ms121).

Abdullah kekal memegang jawatan Naib Presiden UMNO hingga tahun 1993 dan beliau telah gagal mempertahankan jawatan tersebut pada pemilihan yang diadakan pada bulan yang sama. Abdullah kemudiannya telah dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1993 hingga 1996 dan melalui pemilihan UMNO pada tahun 1996, Abdullah telah berjaya dipilih semula sebagai Naib Presiden UMNO. Pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 2 September 1998 telah membuka episod baru dalam UMNO. Dua bulan selepas itu, Abdullah telah dilantik sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Pulau Pinang pada 6 November 1998<sup>20</sup> (Rustam Sani, 2007, ms13). Karier politik Abdullah kemudiannya terus mencapai tahap yang tidak dijangkakan apabila Majlis Tertinggi UMNO sebulat suara telah memberikan amanah kepada Abdullah untuk memikul tanggungjawab sebagai Timbalan Presiden UMNO pada 5 Februari 1999, lima bulan selepas Anwar Ibrahim dipecat dari UMNO.

Pada Perhimpunan Agung UMNO tahun 2000, Abdullah menang tanpa bertanding dalam jawatan Timbalan Presiden dan dilantik ke jawatan tersebut bagi penggal 2000 – 2003<sup>21</sup> (Perkara Menarik Mengenai Abdullah, Sisipan Khas Peralihan Kuasa, Utusan Malaysia, 3 April 2009). Dalam pilihanraya umum yang ke 10 pada tahun 1999, Abdullah berjaya memenangi pilihanraya umum tersebut dan mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas yang telah dimenangnya sejak tahun 1978. Abdullah juga turut diamanahkan untuk memegang jawatan Pengerusi Perhubungan UMNO di dua buah negeri iaitu Pulau Pinang dan Terengganu pada tahun 2000 di samping menjadi Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan UMNO. Abdullah telah mula menjalankan tugastugas Presiden UMNO pada bulan Jun 2002 selepas Dr. Mahathir memutuskan untuk meletakkan semua jawatannya di dalam kerajaan dan UMNO.

Maka, Abdullah secara tidak rasminya telahpun menjalankan tugas-tugas Presiden UMNO pada ketika itu dan kedudukan tersebut telah disahkan pada 22 September 2004 apabila jawatan Presiden UMNO yang keenam itu tidak dipertandingkan dalam pemilihan Agung UMNO. Berhadapan dengan karenah birokrasi didalam pentadbiran kerajaan adalah merupakan cabaran bagi Abdullah dalam memberikan perkhidmatannya kepada pihak kerajaan. Abdullah telah menggunakan segala ruang yang ada dalam menerapkan gaya kepimpinan beliau yang tidak suka berkonfrontasi, menggunakan saluran diplomasi serta elemen bekerjasama serta sederhana dalam tindakannya. Selepas memberikan khidmat sebagai pegawai kerajaan, Abdullah yang telah berkecimpung didalam bidang politik dimana segala prinsip yang dibentuk selama beliau dididik didalam keluarga dan perkhidmatan kerajaan kali ini benar-benar teruji.

Jika dinilai dari segi pengalaman politik Abdullah didalam UMNO, ianya bukanlah merupakan pengalaman manis bagi beliau. Pengalaman beliau yang pernah disingkirkan dari kabinet di awal pemerintahan Tun Mahathir akibat dari kesilapan beliau menganggotai Team B dalam UMNO telah memberikan pengajaran yang berguna kepada Abdullah dalam kehidupan politiknya. Beliau yang telah menyatakan sokongannya kepada Tun Razaleigh Hamzah dalam Team B didalam UMNO nyata telah menjerat beliau dan pengajaran yang dapat diambil

---

<sup>19</sup> Wariya, 2007, ms121

<sup>20</sup> Rustam Sani, 2007, ms13

<sup>21</sup> Perkara Menarik Mengenai Abdullah, Sisipan Khas Peralihan Kuasa, Utusan Malaysia, 3 April 2009

daripada peristiwa ini telah mendorong Abdullah supaya lebih setia kepada kepimpinan negara dan bukan lagi kepada seterunya.

Keputusan yang telah diambil oleh Abdullah untuk kembali menyokong UMNO selepas dipecat adalah satu tindakan yang pragmatis kerana beliau tidak meneruskan tindakannya menongkah arus dengan kepimpinan yang ada dan natijah daripada kesabaran Abdullah, beliau telah dilantik menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 8 Januari 1999 selepas Dato' Seri Anwar Ibrahim dipecat dari kabinet. Berdasarkan faktor-faktor diatas, dapatlah dirumuskan bahawa imej lunak (soft power) yang ditonjolkan oleh Abdullah telah memberikan refleksi berikut kepada personaliti beliau iaitu tidak suka memarahi, tidak berkonfrontasi, suka berdiplomasi, dan sangat sederhana dalam tindakannya<sup>22</sup> (Tan Sri Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 25 Jun 2013).

Sepanjang pemerintahan Abdullah sebagai seorang Perdana Menteri, imej lunak yang dibawa olehnya telahpun diterapkan didalam kepimpinannya dimana beliau sendiri mengamalkan konsensus dan tidak terlalu memusatkan cara pemerintahan beliau sebagai salah seorang pimpinan utama negara<sup>23</sup> (Tan Sri Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 25 Jun 2013). Perwatakan ini kemudiannya diterjemahkan sendiri melalui perlakuan Abdullah yang sentiasa mudah untuk didekati dan beliau juga sentiasa dianggap sebagai seorang pemimpin yang mempunyai akses yang terbuka. Keperibadian politik Abdullah adalah merupakan refleksi daripada pemikiran beliau sendiri yang akan memberi cerminan kepada keputusan penting dalam pelaksanaan dasar luar Malaysia sewaktu beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia dari tahun 2003 hingga 2009. Bagi Teo Ai Hua, Tun Abdullah merupakan golongan 'Malay gentleman' yang tidak menggunakan kata-kata kesat atau berbentuk sindiran walaupun bercakap dengan pihak pembangkang. Menurut Teo lagi, sepanjang tempoh saya berkhidmat dengan beliau, saya tak pernah melihat beliau gunakan kata-kata yang tidak elok terhadap pihak pembangkang, malah dalam kesemua majlis atau program UMNO, beliau tidak pernah memainkan sentiment perkauman tetapi sentiasa mengingatkan ahli-ahli UMNO mengenai kepentingan bermuafakat dalam masyarakat majmuk negara kita.<sup>24</sup> (Teo Ai Hua, temubual bersama pengkaji, 14 Jun 2014)

### **Falsafah Politik Abdullah Ahmad Badawi**

*a competent and non-abrasive Malay leader, who would reflect the government position without antagonizing too many people... That is Abdullah.*<sup>25</sup> (Means, 1990, ms 45) Inilah yang telah digambarkan oleh Means, seorang sarjana yang banyak membuat kajian terhadap politik Malaysia dan Abdullah Ahmad Badawi. Dalam merungkai personaliti Abdullah, kajian yang telah dilakukan oleh Profesor Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din telah menyatakan bahawa tiga sifat utama personaliti Abdullah yang berpandukan kepada tanggapan responden ialah bertanggungjawab, sabar dan tabah serta suka menolong<sup>26</sup> (Fadzil Che Din, 2011, ms32). Di antara sifat lain yang berada dalam diri Abdullah ialah beliau mempunyai sifat pemaaf, bertoleransi, penyayang, mesra, pentingkan keharmonian dan perpaduan, bermotivasi dan mempunyai kestabilan emosi yang tinggi. Sifat-sifat inilah yang kemudiannya membawa kepada cerminan diri Abdullah yang amat mementingkan keutuhan, perpaduan, keharmonian dan kerjasama antara individu, pasukan yang dipimpnnya dan golongan rakyat jelata.

<sup>22</sup> Tan Sri Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 25 Jun 2013

<sup>23</sup> Tan Sri Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 25 Jun 2013

<sup>24</sup> Teo Ai Hua, temubual bersama pengkaji, 14 Jun 2014

<sup>25</sup> Means, 1990, ms 45

<sup>26</sup> Fadzil Che Din, 2011, ms32

Sebagai Perdana Menteri, Abdullah bertanggungjawab kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, etnik dan gender. Abdullah percaya bahawa sudah tiba masanya untuk mengeneipkan perjuangan yang bersifat parochial. Ini menunjukkan bahawa sebagai seorang Perdana Menteri yang juga merupakan seorang Presiden UMNO, beliau amat memahami tugas beliau yang berat sebagai seorang Perdana Menteri yang memerlukan komitmen yang tidak berbelah bagi sebagai pemimpin yang adil dan saksama terhadap kesemua golongan rakyat. Menurut Abdullah (New Straits Times, 9 November 2007), Issues must be addressed on the basis of the interest of the nation and the Malaysian people as a whole<sup>27</sup>.

Dengan pernyataan ini, ia menunjukkan bahawa Abdullah sudah memahami bahawa beliau bukanlah hanya dimiliki oleh orang Melayu dan UMNO semata-mata tetapi beliau adalah merupakan pemimpin untuk semua rakyat Malaysia. Menurut Weber, seorang pemimpin memerlukan keabsahan dalam kepimpinan ketika berada dalam tempoh pemerintahan sebagai cara untuk membentuk pemikiran rakyat dan penyokongnya supaya mereka dapat memahami tanggungjawab dan kesetiaan terhadap pemimpin<sup>28</sup>. Kesedaran untuk mematuhi sebarang arahan pemerintah oleh pengikut adalah menjadi perkara yang wajib dipatuhi dan dilakukan oleh pengikut terhadap kepimpinan dan jika perkara ini tidak berlaku, ia akan memberikan kesan negatif terhadap autoriti kepimpinan yang telah dibentuk oleh pemimpin terhadap pengikutnya.

Pengikut atau penyokong akan mula mempersoalkan legitimasi kepimpinan sekaligus boleh memberikan persepsi buruk kepada pemimpin. Oleh itu, adalah amat penting kepada pemimpin untuk mendapatkan legitimasi politik seperti yang telah disebut oleh Lipset di mana ia membawa maksud kepada penerimaan umum oleh masyarakat terhadap sistem politik yang telah diamalkan<sup>29</sup> (Lipset, 1960, ms52). Menurut Mutthiah Allagapa (1995, ms26), legitimasi politik ini dipengaruhi oleh beberapa faktor<sup>30</sup>. Faktor pertama ialah struktur kuasa yang dipengaruhi oleh hubungan kuat di antara pemimpin dan rakyat di mana rakyat mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada pemimpin politik. Faktor yang kedua pula merujuk kepada acuan integrasi antara identiti agama dan etnik yang mempengaruhi struktur asas sistem politik itu sendiri. Faktor yang ketiga pula ialah hubungan di antara kerajaan dan rakyat yang berpandukan kepada perubahan ekonomi dan politik dan faktor yang keempat pula merujuk kepada peranan idea dan visi yang terkandung dalam prinsip demokrasi seperti kebebasan bersuara, kebebasan media, kebebasan berpersatuan sebagai asas yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan politik yang boleh berlaku. Faktor ke lima dan terakhir ialah sebarang bentuk perubahan yang berlaku dalam arena politik antarabangsa boleh memberikan kesan terhadap perkembangan politik domestik di dalam negara.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, legitimasi kepimpinan politik Abdullah dalam tahuntahun pentadbirannya berkait rapat dengan gaya kepimpinan yang telah diterapkan beliau sewaktu dimanahkan jawatan sebagai seorang Perdana Menteri. Apabila Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Abdullah mewarisi sebuah kerajaan yang stabil di mana partisipasi dan persepsi rakyat untuk melihat kerajaan yang stabil ini berterusan amatlah tinggi. Abdullah yang mewarisi sebuah kerajaan yang stabil selepas memegang jawatan Perdana Menteri adalah merupakan kelebihan yang dimiliki oleh Abdullah. Rakyat sudah pastinya menunggu apakah akan ada sesuatu yang “baru” dari Abdullah menurut Syed Hamid

---

<sup>27</sup> New Straits Times, 9 November 2007

<sup>28</sup> Lipset, 1960, ms52

<sup>29</sup> Mutthiah Allagapa, 1995, ms26



Albar<sup>31</sup>(temubual bersama pengkaji, 24 Jun 2013). Abdullah berhadapan dengan suasana di mana rakyat sentiasa tertanti-nantikan sesuatu yang menjadi “milestone” dari Abdullah. Kenyataan pertama Abdullah selepas menjawat jawatan Perdana Menteri iaitu “mari bekerja bersama saya,bukan bekerja untuk saya” membuatkan rakyat begitu teruja dengan cara Abdullah<sup>32</sup> (temubual bersama pengkaji, 4 Ogos 2013).

Ia secara langsung mewujudkan “keinginan” tinggi rakyat untuk bersama-sama dengan Abdullah dalam memajukan negara dan keadaan inilah yang memberikan perbezaan ketara dalam cara pemerintahan Abdullah jika hendak dibandingkan dengan pemerintahan Tun Mahathir sebelum ini. Keadaan ini menyebabkan Abdullah berada di dalam dilema di mana Abdullah berada di persimpangan di antara pengekal dan kestabilan dasar-dasar terdahulu dan pengenalan kepada idea dan dasar-dasar baru yang ingin diterapkan oleh Abdullah.

Menurut Abdullah, sebarang perubahan yang beliau lakukan adalah berasaskan kepada fakta dan figura yang jelas. Beliau berpendapat, What needs to be changed, what needs to be adjusted, all those are done based on facts and figures that we have taken into consideration<sup>33</sup> (New Straits Times,21 Jun 2006).

Menurut Sivamurugan Pandian(2007, ms12), gaya kepimpinan Abdullah amatlah jauh berbeza jika hendak dibandingkan dengan gaya kepimpinan Mahathir yang menjadi mentornya satu ketika dahulu<sup>34</sup>. Justeru, gaya kepimpinan yang berlainan ini sudah tentu akan memberikan falsafah politik yang tersendiri bagi Abdullah. Abdullah dilihat mempunyai gaya kepimpinan yang merangkumi amalan keterbukaan, bersifat konsultatif dan menggalakkan partisipasi semua pihak di samping memberi ruang dan autonomi kepada agensi kerajaan dan kementerian untuk membuat keputusan. Menurut Pandian lagi, tiga komponen yang menjadi asas kepada amalan gaya kepimpinan terbuka Abdullah ialah konsensus, akomodasi dan partisipasi. Ketigatiga komponen ini telah membolehkan pelbagai pihak termasuklah masyarakat awam terlibat di dalam menjayakan dasar dan program kerajaan serta penubuhan beberapa badan yang membolehkan hubungan dua hala antara orang awam dan kerajaan berlaku<sup>35</sup>(Sivamurugan Pandian,2007, ms12).

Gaya kepimpinan Abdullah yang sebegini dipercayai datang daripada faktor di dalam diri dan juga persekitaran Abdullah sepanjang penglibatan beliau di dalam dunia politik. Gaya kepimpinan ini sangatlah berbeza jika hendak dibandingkan dengan mantan kepimpinan terdahulu dan ianya nyata amat disenangi oleh ramai pihak namun ia secara langsung telah bercanggah dengan prinsip kerajaan yang selalunya bersifat tegas dalam setiap keputusan yang diambil. Ini akhirnya telah menimbulkan kemarahan kepada segenap lapisan kaum di Malaysia kerana ia telah membuka ruang kepada perbincangan isu-isu sensitif seperti hak keistimewaan orang Melayu yang seperti sudah mula dipertikaikan.

Faridah Jaafar(2007, ms167) juga turut menyatakan bahawa keperibadian Abdullah turut menyumbang kepada gaya kepimpinan yang agak sederhana telah menyumbang kepada faktor pembuatan dasar luar Malaysia di zaman pemerintahannya<sup>36</sup>. Di peringkat antarabangsa, Abdullah selalu mencerminkan diri beliau sebagai seorang Muslim yang tinggal di negara yang moden dan beliau seboleh-bolehnya mahu mengeneipkan persepsi negatif terhadap pandangan

---

<sup>31</sup> Syed Hamid Albar<sup>31</sup>(temubual bersama pengkaji, 24 Jun 2013

<sup>32</sup> Abdullah Ahmad Badawi, temubual bersama pengkaji, 4 Ogos 2013

<sup>33</sup> New Straits Times,21 Jun 2006

<sup>34</sup> Sivamurugan Pandian, 2007, ms12

<sup>35</sup> Sivamurugan Pandian,2007, ms12

<sup>36</sup> Faridah Jaafar, 2007, ms167

masyarakat antarabangsa kepada Islam pasca tragedi 11 September 2001<sup>37</sup>(Tan Sri Rastam Mohd Isa, 2015). Selari dengan sifat dan gaya kepimpinan Abdullah yang lebih lembut, beliau telah meneruskan prinsip berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara.

Berdasarkan kepada refleksi daripada sifat Abdullah ini, Malaysia turut berpegang kepada prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan wilayah sesebuah negara serta tidak campur tangan terhadap sebarang urusan dalaman yang melibatkan negara lain. Pengalaman sebagai Menteri Luar yang paling lama pernah berkhidmat di kementerian tersebut tidak dipersiasikan oleh Abdullah. Gaya beliau yang sederhana di samping bersifat terbuka telah membolehkan dasar luar negara diimplementasi mengikut kesesuaian semasa. Ini dapat menjadikan dasar tersebut tidak mengundang implikasi negatif terhadap kepentingan nasional yang ingin dicapai oleh Malaysia di samping dapat melahirkan dasar yang bersifat konsisten dan pragmatik.

Dalam melihat kepada gaya kepimpinan Abdullah, 3 elemen utama yang menjadi asas kepada kepimpinan beliau ialah partisipasi, akomodasi dan konsensus.

### **Partisipasi**

Partisipasi berlaku apabila melibatkan proses perhubungan di antara rakyat dan pemimpin. Dalam ucapan sulung Abdullah sebagai Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kepala Batas, beliau telah menyebut bahawa bekerjalah bersama saya dan bukan bekerja untuk saya<sup>38</sup>(Chamil Wariya, 2007,ms129). Ucapan ini menunjukkan bahawa beliau memberikan keutamaan kepada keperluan dan permintaan yang dikehendaki oleh rakyat. Sebagai seorang ahli politik dan juga sebagai seorang Perdana Menteri, Abdullah cuba untuk meraih sokongan daripada rakyat dengan menggunakan pendekatan bekerjasama dan bekerja bersama-sama dengan meletakkan keutamaan kepada mendahulukan rakyat. Gaya kepimpinan ini secara langsung telah memberikan impak positif terhadap kejayaannya dalam memperolehi majoriti yang besar dalam Pilihanraya Umum yang lalu, satu-satunya keputusan yang tidak pernah dicapai dan ditandingi hingga hari ini<sup>39</sup>(Berita Harian, 16 Julai 2005).

Mandat besar yang diperolehi Abdullah memberikan kesan yang baik terhadap keabsahan politik kepimpinan beliau dan selepas lima tahun daripada kejayaan tersebut iaitu pada tahun 2008 ada pihak yang menyebut Abdullah gagal dalam memenuhi manifesto yang telah disebut pada tahun 2004. Abdullah menyatakan bahawa kejayaan Barisan Nasional telah berjaya mengotakan semua janjinya tetapi ada lagi janji yang ingin dilaksanakan oleh Barisan Nasional dan rakyat perlu memberi peluang kepada kami. Cabaran terbesar Abdullah dalam pentadbiran beliau ialah dengan menukar sikap rakyat yang mahukan keputusan secara segera. Ketika Abdullah berucap didalam majlis makan malam meraikan kemerdekaan Negara yang ke 50 anjuran Dewan Perdagangan Cina Pulau Pinang, beliau menyatakan bahawa kesemua janji-janji pilihanraya yang telah disebut dalam manifesto akan dilaksanakan dan memerlukan masa selama 15 tahun bagi melihat impak kepada pelaksanaan janji-janji tersebut<sup>40</sup>(Berita Harian, 4 April 2009)

Selain itu, dalam memperlihatkan ciri-ciri partisipasi dalam kepimpinan Abdullah, beliau turut melakukan beberapa siri lawatan mengejut ke beberapa agensi kerajaan dalam usaha untuk memastikan penambahbaikan kualiti sistem penyampaian kerajaan agar berada dalam keadaan

---

<sup>37</sup> Tan Sri Rastam Mohd Isa, 2015

<sup>38</sup> Chamil Wariya, 2007,ms129

<sup>39</sup> Berita Harian, 16 Julai 2005

<sup>40</sup> Berita Harian, 4 April 2009

yang terbaik. Sejak lawatan mengejut Abdullah ke agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku dalam sistem penyampaian kerajaan walaupun masih terdapat aduan bermasalah dalam skala yang lebih kecil. Di antara pembaharuan yang telah berjaya dilakukan ialah proses pembaharuan passport dalam masa yang lebih singkat iaitu 24 jam, proses permohonan lesen kontraktor yang dipercepatkan menjadi 30 hari, proses pembayaran balik wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang hanya mengambil masa selama 2 hari jika dibandingkan sebelum ini yang mengambil masa selama 2 minggu, pejumlahan 14 lesen penghotel kepada 1 lesen dan pengenalan kepada sistem online terhadap 100 jenis perkhidmatan pentadbiran yang secara langsung dapat menjimatkan masa urusan dan meminimumkan penggunaan kertas.

Ini secara jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan di bawah pimpinan Abdullah sentiasa peka terhadap sistem penyampaian kerajaan yang baik melalui pentadbiran awam. Selain itu, pihak kerajaan dibawah pentadbiran Abdullah juga berjaya menyelesaikan hampir 98 peratus kerja-kerja tertanggung yang melibatkan perkara yang berkaitan dengan hal tanah dan perundangan yang telah berlaku di seluruh negara sejak 2001 Di samping itu, pihak pembayar cukai juga boleh mengemukakan tuntutan bayaran balik yang boleh dibuat melalui online dengan menggunakan aplikasi sistem e filling yang hanya mengambil masa selama 30 hari jika dibandingkan 60 hari sebelum ini. Pihak kerajaan juga telah mengambil inisiatif bagi memberikan kemudahan kepada individu yang ingin memulakan perniagaan dengan PEMUDAH.

Pada 7 Februari 2007, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH telah ditubuhkan. Pasukan yang terdiri daripada 23 orang ahli dari kalangan individu yang berstatus tinggi daripada sektor swasta dan awam akan melaporkan terus kepada Perdana Menteri. Selain dari PEMUDAH, Business Licensing Electronic Support System (BLESS) turut sama dilancarkan sebagai usaha untuk membantu pemohon mempercepatkan permohonan pembukaan lesen yang baru, pembaharuan lesen perniagaan dalam masa 15 minit dan lain-lain kemudahan bagi peniaga-peniaga baru.

Sepanjang 6 tahun pentadbiran Abdullah, beliau telah bertanggungjawab untuk bersama-sama dengan pihak pentadbir berkongsi masalah yang dihadapi supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Frasa *doing his own thing* amat bersesuaian dengan Abdullah kerana kesudian beliau untuk berkongsi segala pengalaman luas yang dimiliki di dalam pentadbiran walaupun beliau berhadapan dengan pelbagai kritikan. Abdullah mengakui bahawa; *There are still many people who don't understand; they say Pak Lah has lost control. ... That's my way of doing things. Everybody has his way of doing things... The objectives are still the same, there is no change, but the way of doing it is my way*<sup>41</sup>(New Straits Times, 18 September 2006)

### **Akomodasi**

Menurut tafsiran Sivamurugan Pandian (2007, ms26), akomodasi boleh ditafsirkan sebagai kesediaan kerajaan untuk mendengar pendapat dan pandangan terhadap sesuatu isu dan memastikan bahawa kerajaan sentiasa bersedia untuk berkhidmat. Selain itu kerajaan juga akan sentiasa mengambil pendekatan bagi memastikan kerajaan sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat yang membolehkan hubungan di antara rakyat dan kerajaan sentiasa erat. Dalam hal ini, pihak Kementerian Kerjaraya menjadi kementerian pertama yang telah

---

<sup>41</sup> New Straits Times, 18 September 2006

memohon kepada rakyat supaya dapat sama-sama memberikan informasi seandainya ada di antara projek-projek tertangguh atau bermasalah boleh dilaporkan terus kepada mereka untuk diambil tindakan melalui SMS dan emel (Utusan Malaysia, 16 Julai 2006). Antara projek-projek awam yang mendapat perhatian utama dari rakyat adalah kelewatan projek pembinaan Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar yang memakan belanja sebanyak RM 565 juta yang gagal disiapkan mengikut jadual (Berita Harian, 12 Ogos 2006).

Selain itu, kelewatan yang berlaku dalam pembinaan projek Penjara di Kuching yang menelan belanja RM165 juta dan Kompleks CIQ di Johor Bharu yang berjumlah RM1.3 billion turut mendapat perhatian yang serius dari pihak kerajaan<sup>42</sup> (Utusan Malaysia, 23 April 2007). Langkah kerajaan tidak hanya terhenti di situ kerana di peringkat Parlimen, beberapa jawatankuasa yang dianggotai oleh ahli Parlimen yang terdiri daripada penyokong kerajaan dan pembangkang telah dibentuk untuk memantau setiap tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Selain dari itu, Parlimen juga dijadikan tempat untuk memberikan peluang kepada ahli Parlimen untuk mengkritik pihak kerajaan secara konstruktif sebagai salah satu usaha dalam membawa pembangunan yang seimbang terhadap negara.

Dalam tempoh pemerintahan Abdullah, beliau telah melantik dan memberikan arahan supaya dapat dibentuk jawatankuasa untuk menarik sokongan dari masyarakat termasuklah jawatankuasa di peringkat Parlimen sebagai salah satu cara untuk memperolehi maklumat secara terus dari rakyat<sup>43</sup> (Bernama, 6 April 2005). Input-input seperti inilah yang telah diperolehi oleh Abdullah sebelum beliau merangka sesuatu yang penting bagi membangunkan negara dan di antara yang menjadi tumpuan beliau ialah perancangan Rancangan Malaysia Ke 9 (Utusan Malaysia, 23 Jun 2006). Penglibatan secara terus ahli Parlimen yang mewakili suara rakyat di dalam jawatankuasa telah membolehkan beliau dan pihak kerajaan merangka Rancangan Malaysia ke 9 dengan baik. Ia akan memenuhi kehendak dan kepentingan rakyat dimana pihak kerajaan telah meluluskan RM200 billion bagi menjayakan pelaksanaan projek projek dalam Rancangan Malaysia ke 9. Abdullah juga turut berjanji akan melibatkan penglibatan orang ramai di dalam merangka tindakan yang bakal dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang bakal memberikan mafaat kepada rakyat kelak<sup>44</sup> (Berita Harian, 12 Julai 2006). Jika dilihat dari sudut politik domestik, pelbagai takrifan akomodasi telahpun dinyatakan oleh kebanyakan sarjana. Sivamurugan Pandian (2007, ms13) telah menyatakan bahawa akomodasi merujuk kepada kesediaan kerajaan untuk mendengar pandangan dan kritikan ke atas sesuatu isu dan mahu memastikan kerajaan lebih bersikap telus dan beberapa perubahan telah dilakukan supaya ianya dapat dilihat sebagai lebih mesra rakyat. Selain itu, Means (1990, ms52) juga berpendapat bahawa sistem akomodasi elit telahpun lama diamalkan di Malaysia<sup>45</sup>. Sistem akomodasi elit ini merujuk kepada keupayaan elit politik setiap komuniti untuk mencapai penyelesaian yang akomodatif kepada isu-isu kritikal. Huraian mengenai sistem akomodasi elit ini menurut Means mempunyai beberapa ciri-ciri yang ditetapkan. Di antaranya ialah setiap kumpulan etnik bersatu di bawah kepimpinan yang berhak menjaga kepentingan kumpulan etnik itu. Selain itu, pemimpin setiap komuniti berkeupayaan menentukan supaya keputusan yang dicapai melalui rundingan elit sah dan diterima oleh pengikut. Ciri yang ketiga pula ialah elit-elit mempunyai kejujuran dan perasaan untuk memahami kehendak kumpulan etnik yang lain. Mobilisasi berdasarkan isu sensitif perlu diminimalkan supaya elit-elit dapat berbincang dan bertolak ansur sesama mereka. Di samping itu, institusi perwakilan, seperti Parlimen,

---

<sup>42</sup> Utusan Malaysia, 23 April 2007

<sup>43</sup> Bernama, 6 April 2005

<sup>44</sup> Berita Harian, 12 Julai 2006

<sup>45</sup> Means 1990, ms52

menerima penurunan darjatnya kepada sebuah badan yang cuma mengesahkan keputusan yang diperoleh melalui rundingan elit. Melalui kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Fitri Abdul Rahman(2010, ms217), beliau telah menyatakan bahawa gaya pengurusan konflik yang telah diamalkan oleh parti Barisan Nasional di Malaysia sepanjang kejayaan parti ini memerintah negara adalah merangkumi lima perkara iaitu Kompromi, Akomodasi, Kolaborasi, Persaingan dan pengelakan<sup>46</sup>. Namun begitu, di antara gaya yang popular yang selalu diamalkan oleh parti Barisan Nasional di Malaysia ialah gaya Kompromi, Akomodasi dan Kolaborasi. Menurut Mohd Fitri(2010, ms217), akomodasi yang telahpun diamalkan oleh parti Barisan Nasional dalam berhadapan dengan Pilihanraya Umum yang ke 11 pada tahun 2004 di Malaysia di bawah pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi telah memperlihatkan keadaan di mana parti Barisan Nasional menang besar di dalam pilihanraya tersebut. Di antara contoh penyelesaian cara akomodasi yang telah diamalkan oleh Barisan Nasional semasa di bawah pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi boleh dilihat dalam kajian kes yang melibatkan beberapa pertukaran kerusi di Perak, Perlis dan Selangor. Takrifan akomodasi dalam penyelesaian konflik seperti yang telah dinyatakan oleh beliau adalah seperti berikut iaitu (Mohd Fitri, 2010, ms217);

Penyelesaian konflik akomodasi memperlihatkan satu pihak yang berkonflik menarik diri dari terus berkonflik dengan pihak lain. Bertambah unik apabila pihak yang mengundurkan diri itu sanggup bekerjasama dan memenuhi keperluan pihak yang satu lagi. Dalam ertikata lain, pihak yang berkonflik bersikap pasif dan mewujudkan situasi 'kalah-menang'<sup>47</sup>. Dalam hal ini, pendekatan yang telah digunakan oleh Abdullah dalam menyelesaikan permasalahan ini banyak bergantung kepada stail kepimpinan beliau sendiri. Menurut Ahmad Zahid Hamidi(Berita Harian, 2014), Setiap pemimpin ada kekuatan dan kelemahannya<sup>48</sup>. Mahathir seorang pemimpin yang begitu dominan dalam membuat keputusan, baik dalam parti, kerajaan mahu pun media.Pak Lah mengamalkan liberalism dalam pentadbirannya. Dalam banyak mesyuarat Pak Lah mendengar dan memberi peluang kepada kepimpinan tertinggi BN menyuarakan pendapat. Sebaliknya Mahathir walaupun juga mendengar pendapat lain, namun keputusannya adalah dominan dan mesti diikuti.

### **Konsensus**

Konsensus ialah proses yang memberikan fokus terhadap hubungan antara pihak kerajaan, agensi pelaksana dan orang awam atau masyarakat. Dalam hal ini menurut Syed Hamid Albar (temubual bersama pengkaji, 24 Jun 2013), Abdullah sendiri telah mengulangi keazamannya bahawa setiap pandangan masyarakat perlu diambil kira oleh pihak pentadbir sebelum sesuatu polisi atau dasar itu dilakukan<sup>49</sup>. Ini dilihat sebagai salah satu cara yang boleh menonjolkan kelemahan seseorang tetapi ia adalah salah satu cara yang telah diperkenalkan oleh Abdullah yang disenangi oleh rakan-rakan lamanya yang masih berada di dalam kabinet. Hampir kesemua anggota kabinet sudah mengenali Abdullah dan sudah biasa dengan cara beliau bekerja yang menekankan aspek perbincangan dan kepimpinan dan ini secara tidak langsung memudahkan Abdullah untuk bekerja bersama-sama mereka. Hubungan rapat antara rakan kabinet dengan Abdullah tidak hanya kepada hubungan ketua dan anak buah tetapi lebih kepada hubungan kawan rapat. Apa yang menjadi asas kepada kepimpinan Abdullah di dalam mengetuai kerajaan dan rakan-rakan kabinet ialah Abdullah sentiasa menekankan tentang semangat kerjasama, perbincangan dan semangat berpasukan.

---

<sup>46</sup> Mohd Fitri Abdul Rahman, 2010, ms217

<sup>47</sup> Mohd Fitri, 2010, ms217

<sup>48</sup> Berita Harian, 2014

<sup>49</sup> Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 24 Jun 2013

Sebagai contoh, dalam jangkamasa pentadbiran Abdullah ianya telah menyaksikan pembentukan Suruhanjaya Salahlaku Polis Diraja Malaysia, kes politik wang berprofil tinggi yang melibatkan Tan Sri Isa Samad dan Tan Sri Kasitah Gadam, badan kehakiman yang lebih bebas dan adil, pelancaran Pelan Integriti Nasional dan peranan yang lebih besar dan aktif bagi Kelab Penyokong Kerajaan di Parlimen dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Abdullah juga membuka peluang kepada anggota kabinetnya untuk menonjolkan keterampilan diri masing-masing dan mahu setiap anggota kabinet menjalankan fungsi yang telah dipertanggungjawabkan (Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 24 Jun 2013)<sup>50</sup>. Bagi Abdullah, adalah menjadi keperluan untuk mengadakan perbincangan dan perundingan tidak mengira apa-apa peringkat dan apa jua keadaan. Di dalam mesyuarat kabinet, perbincangan dan perdebatan antara ahli yang lebih terbuka untuk menyatakan pandangan masing-masing sangat digalakkan Abdullah kerana ini secara langsung akan memberikan kesan kepada partisipasi yang aktif didalam Parlimen oleh ahli-ahli penyokong kerajaan<sup>51</sup> (Othman Desa, temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015).

### **Prinsip Islam Hadhari Abdullah Ahmad Badawi.**

Dengan meletakkan imej sebagai sebuah negara Islam yang bertoleransi dan progresif seperti yang telah diterangkan dalam inisiatif dasar luar pada zaman Abdullah, Abdullah kemudiannya telah memberikan penerangan tentang salah satu konsep pentadbiran beliau iaitu Islam Hadhari (Abdullah, 2004). Pengertian Islam Hadhari secara ringkasnya adalah seperti berikut iaitu Islam ialah agama “din” yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh manusia, untuk memimpin mereka ke jalan yang selamat dan sejahtera di dunia dan di akhirat. Hadhari pula berasal dari perkataan bahasa Arab yang membawa erti “maju” atau “bertamadun”. Jadi perkataan Islam Hadhari membawa maksud Islam yang maju atau Islam yang bertamadun. Dalam memperkenalkan pendekatan Islam Hadhari, Abdullah (2004) berpendapat:

Islam Hadhari bukanlah agama baru. Islam Hadhari bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukan mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam yang asas dan fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung didalam Al Quran dan Al Hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. Islam Hadhari jika ditafsir secara ikhlas, jika difahami secara jelas, sama sekali tidak akan memesongkan mana-mana umat Islam dari asas akidah. Bukannya budaya UMNO untuk bermain dengan agama. UMNO tidak pernah membenarkan agama dijadikan alat. UMNO menentang tegas agama dipolitikkan. UMNO menentang keras jika Islam dijadikan alat – dijadikan instrumen yang boleh memesongkan akidah. Kerana itu UMNO memastikan bahawa Islam dan umat Islam senantiasa dilindungi. Atas kesedaran tersebut, UMNO ketika terlibat secara langsung menggubal Perlembagaan Persekutuan, memasukkan artikel-artikel tertentu mengenai Islam dan meletakkan Islam di bawah naungan bidang kuasa Ketua Negara dan Ketua Negeri<sup>52</sup>.

Justeru, Islam Hadhari merangkumi sepuluh prinsip yang merupakan elemen utama yang mendasari Islam Hadhari dan diantaranya seperti keimanan dan ketakwaan kepada Allah, kerajaan adil dan beramanah, rakyat berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita, keutuhan budaya dan moral, pemeliharaan alam semula jadi dan kekuatan pertahanan. Menurut pendapat yang telah dikemukakan oleh Iskandar Hasan Tan Abdullah (2015), 10 prinsip Islam Hadhari ini sebenarnya mewakili prinsip Abdullah Ahmad

---

<sup>50</sup> Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 24 Jun 2013

<sup>51</sup> Othman Desa, temubual bersama pengkaji, 27 Februari 2015

<sup>52</sup> Abdullah Ahmad Badawi, 2004

Badawi itu sendiri.<sup>53</sup>(Iskandar Hasan Tan Abdullah, temubual bersama pengkaji melalui emel, 12 Oktober 2015).

Bagi Iskandar(Iskandar Hasan Tan Abdullah, temubual bersama pengkaji melalui emel, 12 Oktober 2015), prinsip Islam Hadhari seperti keimanan dan ketakwaan kepada Allah swt. Prinsip pertama ini secara langsung telah menggambarkan sebahagian ciri-ciri keagamaan yang terdapat dalam diri Abdullah. Selain itu, prinsip ini juga mencetuskan Pelan Integriti Nasional yang mengutamakan akauntabiliti dan responsibiliti. Prinsip kedua dalam Islam Hadhari iaitu kerajaan Adil dan beramanah ialah bermaksud sebuah kerajaan yang Adil adalah kerajaan yang membenarkan rakyat berpartisipasi dalam membuat keputusan bersama yang juga telah berlaku di zaman pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi. Prinsip ketiga Islam Hadhari yang berkait rapat dengan cara pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi ialah prinsip yang menekankan kepada rakyat berjiwa merdeka yang membawa maksud Abdullah telah membenarkan setiap keputusan beliau mendapat konsensus dari rakyat melalui partisipasi. Selain itu, prinsip keempat dalam Islam Hadhari yang berkait rapat dengan penguasaan ilmu pengetahuan telah mencetuskan dasar pembangunan modal insan yang boleh diperlihatkan melalui pelaksanaan Misi Nasional yang telah berlaku di zaman pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi.<sup>54</sup>(Iskandar Hasan Tan Abdullah, temubual bersama pengkaji melalui emel, 12 Oktober 2015)

Dalam hal ini, Abdullah percaya bahawa Islam Hadhari akan memberikan penekanan kepada pembangunan<sup>55</sup> (Abdullah, 2006). Islam Hadhari juga adalah satu pendekatan pembangunan manusia yang menyeluruh berdasar kepada perspektif tamadun Islam. Pembangunan tamadun mestilah bermula dengan pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Menurut Abdullah lagi, pembangunan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan akan menjurus kepada pembinaan peradaban. Peradaban yang disertai dengan pegangan Islam boleh memberikan fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan masyarakat didalam negara ini. Dalam erti kata lain, Islam Hadhari adalah Islam yang syumul atau komprehensif dengan memberikan penekanan kepada pembangunan ekonomi dan tamadun yang menyeluruh.

Dengan pendekatan Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh Abdullah, ianya adalah diharapkan agar dapat menjadi penggerak dan pendorong kepada peningkatan daya saing bangsa Melayu dengan bangsa lain. Selain itu, pengertian Islam Hadhari juga membawa maksud tentang warisan dan tamadun Islam yang memperlihatkan kejayaan cemerlang umat Islam dalam semua bidang yang perlu dijadikan rujukan dan sumber inspirasi memajukan bangsa. Abdullah juga menegaskan tentang betapa pentingnya mempertingkatkan mutu kehidupan dalam ucapan beliau dimana beliau. Menurut Abdullah(2005); Mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan serta pembangunan fizikal. Mempertingkatkan mutu kehidupan dengan mengamalkan sistem ekonomi, sistem perdagangan dan sistem kewangan yang dinamik. Pembangunan sepadu dan seimbang bagi melahirkan umat yang berilmu dan beriman, bertamadun tinggi, berakhlak mulia, jujur lagi amanah, serta bersedia menangani cabaran semasa dunia global.<sup>56</sup>

Bagi Abdullah, beliau berpendapat bahawa prinsip-prinsip ini adalah menurut acuan yang diadunkan supaya amalan dan pendekatannya tidak akan menimbulkan salah faham dan kebimbangan kepada mana-mana pihak dalam sebuah negara yang komposisi rakyatnya

---

<sup>53</sup> Iskandar Hasan Tan Abdullah, temubual bersama pengkaji melalui emel, 12 Oktober 2015

<sup>54</sup> Iskandar Hasan Tan Abdullah, temubual bersama pengkaji melalui emel, 12 Oktober 2015

<sup>55</sup> Abdullah Ahmad Badawi, 2006

<sup>56</sup> Abdullah Ahmad Badawi, 2005

berbilang agama dan berbilang kaum. Pendekatan yang digariskan juga adalah untuk memperkasakan umat Islam supaya berupaya menghadapi cabaran dunia semasa (Wariya, 2007, ms127)<sup>57</sup>. Menurut Tan Sri Syed Hamid Albar, sungguhpun asas terhadap pentadbiran yang bercirikan Islam sudahpun lama dilakukan pada zaman Tun Dr. Mahathir memerintah negara, pendekatan Islam Hadhari yang telah dibawa oleh Abdullah sewaktu zaman pentadbirannya setidak-tidaknya telah memperkukuhkan agenda Islam samada di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa<sup>58</sup> (Tan Sri Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 26 Jun 2013).

Jika dilihat, Islam Hadhari adalah merupakan sebahagian daripada langkah pentadbiran Abdullah yang telah menetapkan misi bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang dari segi kedudukannya. Saravanamuttu berpendapat bahawa dengan pengalaman Abdullah sebagai Menteri Luar yang paling lama berkhidmat didalam kabinet iaitu sejak tahun 1991 hingga 1999 dan gaya Abdullah yang lebih lembut pada ketika beliau menjadi Perdana Menteri dalam membuat perundingan dengan negara-negara luar telah berjaya membantu Abdullah mempromosi dan memperkenalkan Islam Hadhari yang dianggap sebagai pendekatan Islam yang lebih moden dan progresif<sup>59</sup> (Saravanamuttu, 2010, ms262).

Prinsip Islam Hadhari tidak terpesong atau lari daripada landasan ajaran Islam dan beliau sangat gembira kerana konsep itu digabungkan dengan misi nasional yang disasarkan. Mengenai konsep Islam Hadhari yang disalahertikan oleh sesetengah pihak sebagai satu alasan untuk menjadi lebih konservatif atau lebih radikal, Abdullah<sup>60</sup> (2006) menjelaskan bahawa ia adalah satu falsafah penting dalam pendekatan ke arah menjalani hidup sebagai umat Islam yang baik, bahawa agama Islam mengajar umatnya lebih daripada hukum hakam dan larangan. (Malangnya), budaya yang diamalkan selama bertahun-tahun kini ditakrifkan sebagai haram, seperti mengucapkan selamat kepada warga Malaysia yang berlainan agama sempena hari perayaan mereka.

Menurut pandangan Tan Sri Harussani Zakaria, Islam Hadhari adalah merupakan kesinambungan dan terdapat elemen penerusan dan lanjutan daripada perlaksanaan dasar NilaiNilai Islam dalam pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh pentadbiran sebelum Abdullah<sup>61</sup>. (Tan Sri Harussani Zakaria, temubual bersama pengkaji, 26 Ogos 2014). Harussani juga menegaskan bahawa perbezaan yang jelas terserlah diantara Islam Hadhari dan Hadharah Islamiyah yang diperkenalkan oleh PAS ialah Islam Hadhari mempunyai satu dasar yang jelas dan tidak seperti Hadharah Islamiyah yang hanya muncul sebagai respon dan alternatif kepada Islam Hadhari. Penerimaan bukan Muslim terhadap Islam Hadhari juga sangat responsive dan ini telah diperjelaskan oleh bekas setiausaha akhbar kepada Abdullah sendiri iaitu Teo Ai Hua. Menurut Teo, Islam Hadhari paling sesuai digunakan untuk menerangkan sifat dan tingkahlaku Tun Abdullah sendiri sebagai seorang Muslim yang sentiasa menganggap diri sendiri sebagai hamba Allah yang diamanahkan untuk memelihara dan membawa kebaikan kepada dunia ciptaan Allah. He is the best manifestation of Islam Hadhari<sup>62</sup>.

---

<sup>57</sup> Wariya, 2007, ms127

<sup>58</sup> Tan Sri Syed Hamid Albar, temubual bersama pengkaji, 26 Jun 2013

<sup>59</sup> Saravanamuttu, 2010, ms262

<sup>60</sup> Abdullah Ahmad Badawi, 2006

<sup>61</sup> Tan Sri Harussani Zakaria, temubual bersama pengkaji, 26 Ogos 2014

<sup>62</sup> Teo Ai Hua, temubual bersama pengkaji, 14 Jun 2014



## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kehidupan peribadi Abdullah Ahmad Badawi yang dibesarkan dalam persekitaran kehidupan yang menitikberatkan ajaran agama Islam banyak memainkan peranan yang penting dalam membentuk karakter dan identiti Abdullah sebagai seorang pemimpin dan contoh terbaik seorang yang mempunyai akhlak yang terpuji dan tinggi. Falsafah politik Abdullah yang merangkumi tiga elemen iaitu partisipasi, akomodasi dan konsensus sangat bertepatan dengan imej Abdullah yang sentiasa tenang, tidak mudah marah, mudah dibawa berbincang dan suka menolong. Justeru, tidak hairanlah jika Abdullah Ahmad Badawi pernah digelar sebagai “Mr Clean” dalam senario politik negara yang dilihat sangat bertepatan dan seiring dengan sifat Abdullah itu sendiri. Sifat ketenangan dan kesabaran yang dimiliki oleh Abdullah yang terhasil dari ajaran dan didikan agama yang sempurna dari ahli keluarga Abdullah juga secara langsung mempunyai perkaitan dengan keputusan Abdullah didalam merancang dan memperkenalkan prinsip Islam Hadhari dalam pentadbiran negara.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi, Interview: PM Answers The Question', *New Straits Times*, 8 Ogos 2006.
- Abdullah Ahmad Badawi, Interview: PM Answers The Question', *New Straits Times*, 8 Ogos 2006.
- Abdullah Ahmad Badawi, Islam Hadhari, Ucapan di The Oxford Centre for Islamic Studies (1 Oktober 2004), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/ppaklah&id2897> (akses pada 6 Jun 2010).
- Abdullah Ahmad Badawi, Transkrip Sidang Akhbar: Abdullah jawab pelbagai isu', *Utusan Malaysia* 17 November 2006
- Abdullah Ahmad Badawi, Ucapan Dasar Perhimpunan Agung UMNO 2005 (21 Julai 2005), <http://www.pmo.gov.my/ucapan/mp&ppaklah&id2970> (akses pada 10 November 2010).
- Abdullah Ahmad Badawi, Wawancara: Faktor manusia amat penting tentukan kemajuan negara', *Berita Harian*, 11 Februari 2004.
- Abdullah Ahmad Badawi, Wawancara: Faktor manusia amat penting tentukan kemajuan negara', *Berita Harian*, 11 Februari 2004.
- Dhillon, K. S. (2009). *Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era, 1981-2003; Dilemmas of Development*. Singapore: NUS Press.
- Dikoh, K. (2009, April 2). *Hubungan Antarabangsa terus utuh*. Retrieved from Berita Harian Online: <http://www.bharian.com.my>
- Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah, Oktober 2015
- Editor. (2009, April 27). *Pentadbiran Abdullah: Satu Analisis Ringkas*. Retrieved from Utusan Malaysia Online: <http://www.utusan.com.my>
- Encik Teo Ai Hua, 14 Jun 2014
- Jaafar, F. (2007). *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia, 1957-2005*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Malaysia, K. L. (2011, Januari 23). *Laman Web Rasmi Kementerian Luar Malaysia*. Retrieved from <http://www.kln.gov.my>
- Mohamed Fadzil Che Din, Meneroka Elemen Psikologikal Abdullah Ahmad Badawi' dalam Sivamurugan Pandian et al. (pnyt.), *Abdullah Ahmad Badawi: 3 Tahun di Putrajaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2007.
- Mohd Fitri, Abdul Rahman (2010) *Strategi Pengurusan Konflik Berdasarkan Demokrasi Permuafakatan di Malaysia: Kajian Kes Barisan Nasional*. PhD. thesis, Universiti Utara Malaysia.

- P.Means, G. (1991). *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore,Oxford,New York: Oxford University Press.
- P.Means, G. (1991). *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore,Oxford,New York: Oxford University Press.
- Saravanmuttu, J. (2010). *Malaysia's Foreign Policy The First Fifty Years*. Singapore: ISEAS Publishing
- Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan Ke Puncak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005.
- Sivamurugan Pandian, Abdullah Ahmad Badawi: Praktis Gaya Kepimpinan Seorang Perdana Menteri dalam Sivamurugan Pandian et al. (pnyt.) *Abdullah Ahmad Badawi: 3 Tahun di Putrajaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2007.
- Wariya, C. (1989). *Dasar Luar Malaysia Era Mahathir*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd .
- Wariya, C. (2007). *Perjalanan Politik PM ke 5*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi, Kuala Lumpur, 03 Ogos 2013.
- Yang Berbahagia Dato Othman bin Desa, Kuala Perlis, 12 Februari 2014
- Yang Berbahagia Sohibul Samahah Tan Sri Harussani Zakaria, Ipoh, 21 Mac 2015
- Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Kadir Mohamad, Jun 2015